



## SYARAT-SYARAT LESEN PUSAT SNUKER / BILLIARD

### 1. LESEN

- 1.1 Dikehendaki memperbaharui lesen setelah tamat tempoh pada 31hb Disember pada tiap-tiap tahun. Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya 3 bulan sebelum tarikh luput lesen tertakluk laporan dari Pejabat Polis Daerah.

### 2. KEBERSIHAN

- 2.1 Premis dan kawasan persekitaran hendaklah dalam keadaan bersih.
- 2.2 Semua perkakas, perabot dan peralatan hendaklah sentiasa dalam keadaan baik dan sempurna.

### 3. KAWALAN

- 3.1 Premis hendaklah dilengkapi dengan peralatan-peralatan tahan bunyi (Sound-proof). Hendaklah dipastikan bunyi bising daripada premis berada diperingkat yang minimum dan tidak menimbulkan kacau ganggu.
- 3.2 Pusat Snuker / Billiard hendaklah dipasang dengan lampu yang terang.
- 3.3 Sistem cahaya kecemasan hendaklah disediakan dan diselenggarakan disemua tangga keluar, laluan keluar dan tempat laluan dari premis itu.
- 3.4 Hendaklah memastikan pelanggan berpakaian kemas dan sopan dan :-
  - Tidak berseluar pendek
  - Tidak berbaju tanpa lengan dan
  - Tidak berselipar

## LAMPIRAN 1

**4. KESELAMATAN**

- 4.1 Pengusaha hendaklah memastikan aspek-aspek keselamatan dipatuhi pada setiap masa dan peralatan-peralatan bomba mencukupi. Pintu masuk dan keluar hendaklah sentiasa tidak berkunci.
- 4.2 Peralatan dan keperluan bagi sistem pengudaraan premis hendaklah diadakan juga.

**5. HAD UMUR**

- 5.1 Orang-orang yang berumur di bawah 18 tahun tidak dibenarkan masuk atau berada dalam premis hiburan ini semasa perniagaan dijalankan.

**6. WAKTU PERNIAGAAN**

- 6.1 Waktu beroperasi yang dibenarkan ialah dari 10.00 pagi hingga 12.00 tengah malam sahaja.
- 6.2 Satu papan kenyataan yang berkaitan dengan perkara 5 & 6 hendaklah dipasang / pamer di depan pintu masuk untuk makluman orang ramai. Kenyataan hendaklah dibuat dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

**7. PAPAN TANDA/IKLAN**

- 7.1 Setiap pemasangan iklan/papan tanda hendaklah mendapat lesen terlebih dahulu.
- 7.2 Papan tanda pusat Snuker / Billiard hendaklah dipaparkan selepas kelulusan diberikan.
- 7.3 Gambar/poster lucah dan mengghairahkan tidak dibenarkan ditampal di dinding-dinding premis (Luar dan dalam premis).
- 7.4 Papan iklan yang tidak berkaitan tidak dibenarkan dipasang.
- 7.5 Meletak papan tanda " **ORANG BERUMUR DIBAWAH 18 TAHUN**" tidak dibenarkan memasuki/berada di Pusat Snuker / Billiard.

**8. MAKANAN/MINUMAN/KHIDMAT**

- 8.1 Senarai harga makanan, minuman dan perkhidmatan hendaklah dinyatakan dengan jelas di papan tanda atau bentuk "menu" untuk makluman pengunjung-pengunjung.

LAMPIRAN 1

- 8.2 Tidak dibenarkan membawa makanan atau minuman dari luar premis dibawa masuk ke dalam premis.
- 8.3 Memastikan pekerja-pekerja dalam tempat hiburan berpakaian sopan.
- 8.4 Tidak dibenarkan menjual dan membawa masuk minuman keras atau sebarang minuman yang memabukkan serta meminum minuman keras di dalam premis.

**11. PENGGUNAAN/PENGEDARAN DADAH**

- 11.1 Pelesen/pengusaha hendaklah memastikan tiada apa-apa dadah atau pil-pil yang diharamkan digunakan atau diedarkan di premis masing-masing. Menjadi tanggungjawab pelesen/pengusaha untuk menentukan premis mereka bebas dari dadah/pil tersebut.

**12. AKTIVITI MAKSIAH/LUCAH**

- 12.1 Pelesen/pegusaha hendaklah memastikan tiada aktiviti maksiat atau lucah yang melibatkan pengunjung atau pekerja/artis dijalankan di premis masing-masing. Menjadi tanggungjawab pelesen/pengusaha untuk menegahkan aktiviti-aktiviti sebegini.

**13. LARANGAN**

- 13.1 Sesiapa yang berumur di bawah 18 tahun **DILARANG** masuk/berada atau bekerja di premis hiburan ini.
- 13.2 **DILARANG** sebarang sekatan / tambahan atau pindaan keatas bangunan hendaklah dengan kebenaran pihak Majlis Daerah Kuala Langat.
- 13.3 **DILARANG** sebarang aktiviti perjudian dan pertaruhan di dalam premis dilesenkan.
- 13.4 **DILARANG** merokok didalam tempat hiburan.
- 13.5 **DILARANG** menjual dan menyediakan minuman keras ditempat hiburan melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa.
- 13.6 **DILARANG** apa-apa unsur berbentuk seks, lucah dan ganas di tempat hiburan.
- 13.7 **DILARANG** menggunakan cermin gelap atau langsir pada pintu laluan masuk atau tingkap.

LAMPIRAN 1

13.8 **DILARANG** sebarang aktiviti lain selain daripada aktiviti snuker dan billiard.

13.9 **DILARANG** meletakkan sebarang mesin, permainan video atau yang serupa dengannya dalam premis perniagaan.

**PERINGATAN**

**\*\*Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa.**

**\*\*Sekiranya Pelesen/Pengusaha gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, tindakan menggantung/membatalkan lesen dan tindakan penguatkuasaan boleh diambil termasuk merampas wang cagaran.**

Disediakan Oleh :

Bahagian Perlesenan  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan  
Majlis Daerah Kuala Langat

Disember 2011